

Ibadah korban di luar negara



Proses pengagihan **daging korban** di Vietnam.

Menariknya ibadah korban ini dilakukan di mana-mana saja termasuk melewati sempadan negara dengan satu tujuan iaitu untuk membantu golongan miskin.

Penolong Pengurus Ez Qurban Sdn Bhd, Nik Aimah Kalisha Anuar, berkata EZ Qurban adalah antara syarikat yang aktif melakukan sepenuhnya ibadah korban dan akikah di luar negara.

Katanya, ia bukanlah semata-mata untuk membantu saudara sesama Islam di negara yang susah, tetapi juga bertujuan mencari keredaan Allah dan demi melaksanakan ibadah korban bagi mereka yang mampu, tetapi tiada masa untuk melakukannya.

“Biasanya, kami galakkan mereka lakukan ibadah korban di negara sendiri dan seperti biasa, memang banyak lembu dikorban di kawasan masing-masing.

“Semuanya kami sediakan, peserta yang mahu menyertai ibadah korban hanya perlu membayar sejumlah wang ditetapkan, iaitu satu bahagian lembu dengan harga RM300, manakala RM580 untuk seekor kambing,” katanya yang sudah beroperasi sejak tahun 2007.

Katanya, setiap tahun sambutan yang diterima daripada pelbagai pihak begitu menggalakkan. Tahun lalu, sebanyak 2,800 kambing dan lembu dikorbankan di lapan negara terpilih iaitu Kemboja, Bangladesh, Myanmar, Laos, Vietnam, Indonesia,



Mohd Sukki Othman

Thailand dan Filipina.

“Tahun ini, kita menerima 700 lembu untuk korban. Kita masih membuka penyertaan sehingga hari kedua Aidiladha. Tahun ini, kita menambah satu lagi negara, iaitu India untuk menerima sumbangan ibadah korban,” katanya.

Harga berpatutan

Beliau berkata, pihaknya menerima penyertaan daripada pelbagai pihak menerusi Facebook dan What's App disediakan syarikatnya.

“Kita akan mengagihkan 100 ekor lembu untuk setiap negara yang dipilih untuk melakukan ibadah korban.

“Biasanya wakil kami bersama-sama imam masjid atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara terbabit akan melakukan ibadah itu.

“Kita juga mengajak peserta mengikuti rombongan ke negara terbabit bagi menyaksikan ibadat

korban itu dilakukan. Semua negara yang dipilih sewajarnya menerima bantuan kerana mempunyai ramai penduduk miskin,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengenakan harga berpatutan untuk menggalakkan orang ramai melakukan ibadah korban di luar negara. Harga lembu dan kambing di negara terbabit jauh lebih murah berbanding di negara ini.

Korban luar negara tidak salah

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ijaz Al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman, berkata Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-66, yang bersidang pada 25 November tahun 2004 memutuskan mengadakan ibadat korban di luar negara, hukumnya harus.

Katanya, ibadah korban di luar negara adalah sah dan mereka tetap akan mendapat pahala.

“Lebih afdal jika ia dilakukan di kawasan tempat sendiri. Bagaimanapun, tidak menyalahi hukum jika dilakukan di luar negara,” katanya.

Beliau juga menolak pandangan ibadah korban di luar negara adalah sama dengan sedekah biasa, malah tiada dalil yang kuat menyokong pandangan berkenaan.

“Tidak menjadi kesalahan melakukan ibadah korban di mana-mana saja kerana kedua-duanya akan mendapat pahala,” katanya.